

HARAPAN MALAYSIA TERLINTAK PADA KEDUDUKANNYA YANG LEBIH BERSAING, KATA I'M

KUALA LUMPUR, 16 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata, harapan terbaik bagi Malaysia sebagai sebuah negara kecil adalah semata-mata bergantung kepada kedudukannya untuk menjadi lebih berdaya saing.

Ini akan membolehkan Malaysia mengeksport barangannya walaupun ketika berhadapan dengan halangan-halangan perlindungan, kata beliau pada perhimpunan para eksekutif korporat kanan dan kerajaan pada Forum Daya Saing Kebangsaan yang pertama yang dianjurkan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri serta Majlis Perdagangan Malaysia di sini.

"Kita bersikap amat mengambil berat isu daya saingan," kata beliau.

"Kita berharap menjadikan lebih kompetitif sebagai ciri Malaysia secara keseluruhannya dan diterima oleh semua segmen masyarakat. Dengan adanya matlamat ini, kita mestilah menerima keperluan bagi keterbukaan, liberal dan persaingan bebas yang bergerak selari dengan menjadi kompetitif," kata beliau.

Beliau berkata kejayaan Malaysia mencapai dan mengekalkan daya saingan eksportnya telah menyebabkan negara ini dianggap sebagai salah sebuah negara perindustrian yang layak diberi liputan di dalam laporan Daya Persaingan Dunia.

Mahathir menganggap kedudukan daya saingan negara kini adalah di sumbangkan oleh pengekal an persekitaran politik dan sosial yang stabil serta pengurusan sistem makro-ekonomi yang sesuai dengan pertumbuhan ekonomi serta juga peningkatan infrastruktur institusional, fizikal dan sosial yang berterusan.

"Faktor-faktor lain seperti kestabilan dan daya saingan kadar pertukaran asing, kadar faedah dan inflasi, dasar kewangan dan pengurusan serta hubungan sektor kerajaan-swastakita, semuanya merupakan faktor penyumbang yang dihubungkan kepada kejayaan kita sehingga kini," kata beliau.

Mahathir menambah kata bahawa kenaikan upah mestilah sepadan dengan produktiviti yang lebih tinggi sama ada secara kuantitatif atau melalui pergerakan kepada sektor ekonomi dan aktiviti bernilai ditambah serta terus kekal berdaya saing.

"Dengan itu saja kita boleh menyokong pendapatan per kapita kita yang semakin meningkat, upah yang lebih tinggi dan mutu kehidupan kita," kata beliau.

Beliau menambah daya saingan perlulah ditingkatkan setiap masa kerana sebarang kemerosotan akan menyebabkan kerugiannya. -- Bernama